

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 January 2016

Teruskan program rakyat tetapi jangan berlebih-lebih - Perdana Menteri

Belanja cara berhemat

Um - 8/1/2016

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 7 JAN.

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan anggota-anggota Kabinet yang mengetuai kementerian masing-masing untuk membelanjakan peruntukan yang diberikan kerajaan secara berhemat.

Walau bagaimanapun, Perdana Menteri mahu program-program untuk kesejahteraan rakyat perlu terus dilaksanakan.

Namun, kata Perdana Menteri, program-program tersebut perlu dipastikan agar meninggalkan kesan positif kepada rakyat keseluruhannya tanpa perlu perbelanjaan berlebih-lebihan.

"Dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pertama 2016 yang saya pengerusikan semalam, saya telah



Dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pertama 2016 yang saya pengerusikan semalam, saya telah mengingatkan kepada Kabinet untuk membelanjakan peruntukan yang diberikan secara berhemat dan bijak."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

mengingatkan kepada Kabinet untuk membelanjakan peruntukan yang diberikan secara berhemat

dan bijak.

"Walaupun demikian, program untuk rakyat perlu terus diadakan dan pastikan program-program tersebut meninggalkan kesan positif kepada rakyat keseluruhannya tanpa perlu perbelanjaan yang berlebih-lebihan," katanya menerusi media sosial Facebooknya hari ini.

Bajet 2016 memperuntukkan sebanyak RM267.2 bilion berbanding RM260.7 bilion pada tahun lalu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM215.2 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM52 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

Bagi peruntukan pembangunan, sektor ekonomi menerima agihan tertinggi sebanyak RM30.1 bilion diikuti sektor sosial sebanyak RM13.1 bilion merangkumi pendidikan dan latihan, kesihatan, perumahan serta kesejahteraan masyarakat.



NAJIB TUN RAZAK